

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

KELUARAN 8/2022 EIL 15

Inspirasi



UNIVERSITI PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
JALAN SULTAN HAJI ALI
34000 TAIP, PERAK
MALAYSIA

UPSI
No. 1
Pendidikan

100
TAHAP
KUALITI

100
TAHAP
KUALITI

INSPIRASI PENTADBIR

Perpustakaan bukan lagi tempat
senyap yang penuh dengan papan
tanda 'jangan' atau 'dilarang'...

EKSPLORASI MUALLIM

Roti Babu: Penerus
Warisan Roti Tradisional

WARISAN IBU KANDUNG

Selami Kisah Sejarah
Rumah Tamu UPSI

INSPIRASI ORANG LAMA

Datuk Dr. Ashari bin Che Mat
Naib Canselor Pertama UPSI

WARGA KITA...DISEBALIK PROFESION

Pengalaman Pahit Berlalu, Aini
Tetap Cekal Hadapi Ujian

WIRA KITA

Buatlah Apa Yang Anda Minat,
Jangan Mudah Mengalah...

Majalah Inspirasi

Majalah universiti yang diterbitkan
tiga bulan sekali

Keluaran 8/2022 Bil. 15

Ogos 2022

ISSN 1823-9331

SIDANG EDITORIAL

Prof. Madya Dr. Mohd Izwan bin Shahril

Prof. Madya Dr. Ghazali bin Din

Dr. Norfaizah binti Abdul Jobar

Marini binti Masdar

Ramli bin Mosmin

Datin Norhayati binti Hood

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

WARTAWAN

Dr. Ghazali bin Din

Ramli bin Mosmin

YM Dr. Raja Ahmad Shalaby bin Raja
Hassan

Mohd. Razalli bin Ahmad Termizi

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

JURUFOTO

Fisol bin Ahmad

Shahidah binti Abu Hassan

Nurul Hasniza binti Mohd Rashid

REKA BENTUK KULT

Redzuan Shah bin Datu Sahadun

KONSEP DAN REKA LETAK

Ramli bin Mosmin

TEKNIKAL

Mohd. Yunus bin Mohd Mustafa

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Bangunan Canseleri

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjong Malim

Perak

Emel: ccd@upsi.edu.my

Tel: 05-450 6661

@HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan majalah ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Bahagian Komunikasi Korporat, Universiti Pendidikan Sultan Idris.





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اوپنورسیتی قندیديهن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



PENCIPTA LOGO
Nurmaisara binti Ahmad
Pejabat Karang Mengarang



Logo UPSI berwarna keemasan diletakkan dalam angka 100 bagi memaparkan legasi SITC, MPSI, IPSI dan UPSI selama 100 tahun yang masyhur dalam membina kebitaraan pendidikan negara.

Bangunan Suluh Budiman dalam angka 100 berwarna keemasan melambangkan bangunan ini kekal utuh sejak era SITC. Bangunan ini telah digazetkan sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan pada 14 Februari 2009 di bawah akta Warisan Kebangsaan 2005 justeru menjadi salah satu simbolik kemegahan UPSI.



Garisan lengkung di bawah angka 100 tahun melambangkan gelombang peredaran zaman kegemilangan UPSI. Perubahan ini dimulakan dengan SITC, MPSI, IPSI, UPSI selain meletakkan angka 1922-2022 sebagai bukti era kewujudan UPSI hingga kini.



Warna emas cerah melambangkan kegemilangan, kekayaan ilmu dan kemasyhuran pendidikan manakala warna emas gelap melambangkan daya saing, keyakinan, kerjasama sepadanan dan evolusi pendidikan yang berterusan.

PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN

Pengeraju Kebitaraan Pendidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris meneraju dunia pendidikan bersandarkan nilai kebitaraan setiap warga UPSI.

ڤنراجو كبيتاران ڤنديديقن

Pengeraju Kebitaraan Pendidikan Institusi pendidikan terulung ini senantiasa memartabatkan tulisan jawi dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah setelah beberapa tahun tertangguh, penganjuran Istiadat Konvokesyen tahun ini akan diadakan secara bersemuka dengan kehadiran ibu bapa dan waris terdekat untuk sama-sama meraikannya

di dalam Dewan Tuanku Canselor. Buat pertama kalinya UPSI akan mengadakan istiadat ini dua kali bagi memberi peluang kepada semua pelajar yang bergraduasi menerima sijil masing-masing ekoran masalah pandemik Covid-19. Selepas kejayaan penganjuran istiadat konvokesyen pada bulan Jun, istiadat konvokesyen akan berlangsung sekali lagi pada awal bulan Disember.

Tahniah saya ucapkan kepada semua graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian di pelbagai peringkat sama ada Doktor Falsafah, Sarjana, Ijazah Sarjana Muda mahupun Diploma. Secara automatik anda bergelar Alumni Anak Kandung Suluh Budiman (AKSB). Bertebaranlah kalian semua untuk mencari masa depan yang diidamkan oleh setiap orang yang bergelar graduan dari institusi menara gading

demikian mencapai cita-cita peribadi mahupun harapan menggunakan keluarga masing-masing. Jagalah nama UPSI di sepanjang perjalanan kerjaya dan di harap tidak dilupakan jasa Ibu Kandung ini walau di mana anda bertugas dan kedudukan yang anda peroleh. Ikutlah resam padi semakin berisi semakin menunduk, tanpa melupakan bagaimana dan tempat mana kita bermula dalam meniti kejayaan. Lebih banyak lagi sekiranya telah berjaya, anda terus menyumbang semula kepada Ibu Kandung dalam pelbagai cara seperti sumbangan kewangan, material, kepakaran, idea dan lain-lain kepada adik-adik yang sedang berjuang menimba ilmu di UPSI agar mereka juga akan berjaya seperti anda semua pada suatu hari nanti.

Manakala buat seluruh petugas yang menjayakan majlis istiadat konvokesyen ini serta bertungkus lumus memastikan perjalanan majlis berjalan lancar tanpa sebarang cacat cela, semoga anda semua mendapat ganjaran dari Allah SWT dan tugas tersebut bakal menjadi amalan baik dan menjadi ibadah yang boleh dibawa sebagai bekalan di akhirat nanti.

Sekian.



PROFESOR MADYA DR.
MOHD IZWAN SHAHRIL





PROFESOR DATO' DR.
MD AMIN MD TAFF

#Budaya TERIMA KASIH

Saya mewakili seluruh warga UPSI mengambil kesempatan untuk mengucapkan sekalung tahniah kepada para graduan, ibu bapa dan seluruh ahli keluarga yang turut sama meraikan kejayaan anak-anak yang tercinta pada majlis Konvokesyen UPSI kali ke-23 yang berlangsung baru-baru ini dengan penuh gemilang di Dewan Tuanku Canselor setelah dua tahun kita tidak dapat menjalankan istiadat konvokesyen akibat pandemik covid-19

Saya sendiri dapat menyaksikannya bagaimana terujanya kita dari segenap lapisan sama ada pelajar yang bakal bergraduan, ibu bapa, petugas, peniaga dan lain-lain yang terlibat dalam penganjuran Istiadat Konvokesyen kali ini. Semuanya dilakukan penuh

bersungguh-sungguh untuk menjadikan majlis kali ini bakal dikenang sebagai penganjuran yang paling berjaya selepas pandemik Covid-19 melanda bukan sahaja di negara kita malah di seluruh dunia. Ia betul-betul merencatkan segala perancangan dan penganjuran tahunan yang merupakan majlis kemuncak bagi setiap pelajar yang bakal menamatkan pengajian mereka di UPSI tercinta ini.

Walaubagaimanapun buat bakal-bakal graduan, dalam kegembiraan kita menyambut hari besar ini usah kita lupa kepada mereka yang banyak berjasa pada adik-adik sekalian terutamanya kedua ibu bapa masing-masing. Saya ingin mengajak adik-adik untuk kembali ke fitrah asal manusia, fitrah yang saling menghargai budi dan jasa. Fitrah yang menyedarkan kita setiap insan ada tanggungjawabnya. Fitrah yang menegaskan bahawa budaya menghargai itu teramat mulia.

Dalam menjadikan majlis Istiadat Konvokesyen ini berlangsung dengan jayanya, ia menuntut kerjasama dan pengorbanan banyak pihak. Bermula daripada pengurusan tertinggi universiti hinggalah

ke tukang-tukang sapu dan pekerja-pekerja pembersihan. Mereka ini punya peranan dan fungsi masing-masing yang menyokong kegemilangan majlis yang dianjurkan ini. Janganlah berasa diri terlalu besar apabila telah bergraduan dengan menidakkan peranan individu yang mungkin dilihat tidak penting tetapi besar sumbangannya dalam tugasan yang telah mereka lakukan. Oleh itu apalah sangat kita meringankan mulut walau sebesar mana pun pangkat dan jawatan yang kita sandang untuk mengucapkan ucapan TERIMA KASIH sebagai tanda kita menghargai peranan mereka. Jadikanlah budaya 'Terima Kasih' ini menjadi amalan dalam kehidupan seharian kita. Budaya menghargai ini pasti mewujudkan keharmonian dan kemesraan sesama individu sama ada kakitangan mahupun pelajar.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah buat adik-adik graduan sekalian dan selamat berjaya di alam pekerjaan nanti. Bawalah nama UPSI, universiti penuh keramat dan tertua ini di mana jua anda berada dan bertugas.

#DemiUPSI

Inspirasi Keluaran ini

Inspirasi Pentadbir

Memilih untuk menyumbang bakti kepada universiti yang bertuah ini, di bumi Muallim dengan matlamat menjadi agen perubahan dalam memberi ilmu bukan sahaja kepada masyarakat, malah mampu merubah bandar yang 'suram' menjadi 'terang' dengan pemilikan ilmu pengetahuan dan kemahiran.

10



Eksplorasi Mualim

Perancangan masa depan, Mokhtar berharap ada anak-anaknya yang dapat meneruskan legasi perniagaan dan istiqamah dalam menyediakan roti yang berkualiti dan halal toyyiban.

16



Warisan Ibu Kandung

Rumah Tamu Universiti direka bentuk oleh Leofric Kestevan arkitek terkenal dari Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Berkonsepkan seni bina Barat gaya seni bina Gothic. Dibina pada bulan Ogos 1919 dan siap pada November 1922. Reka bentuknya memperlihatkan satu struktur rumah yang besar, mewah, megah serta mempunyai ciri-ciri rumah pembesar Inggeris.

20



Inspirasi Orang Lama

Mengenangkan jasa-jasanya yang tidak terhitung terhadap UPSI, beliau telah dianugerahi dengan Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan dalam Majlis Istiadat Konvokesyen Komemoratif pada 21 Disember 2002.

24



Warga Kita.. disebalik profesion

"Hiduplah dengan memberi makna kepada orang lain dan bekerjalah dengan ikhlas membantu orang lain tanpa mengharapkan balasan serta penghargaan daripada manusia sebaliknya mohonlah balasan baik daripada Allah SWT." Itulah yang menjadi pegangan Aini.

30



Lain-lain 35

Mantera "Solat, Sedekah, Sabar, Sedar Diri dan Senyum (4S)". Itulah yang menjadikan beliau terus berdiri sehingga kini. Dr. Azam berkongsi faktor untuk dirinya lebih berjaya sehingga ke tahap sekarang.

35





'Ketua Pustakawan ke-4 sejak penubuhan UPSI' ...



Oleh
vM Dr. Raja Ahmad Shalaby
Raja Hassan
shalaby@upsiedu.my

PERMULAAN KERJAYA

Noriha Muhammad berasal dari Ketereh, Kota Bharu, Kelantan. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Ketereh dari tahun 1976 hingga 1981, Sekolah Menengah Ketereh dari tahun 1982 hingga 1986, seterusnya Maktab Sultan Ismail dari tahun 1987 hingga 1988. Beliau kemudian melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda (Sains Perpustakaan) di Institut Teknologi

MARA dari tahun 1989 hingga 1992.

Noriha memulakan kerjaya sebagai Penolong Pegawai Perpustakaan di Perpustakaan Awam Pahang mulai 1 September 1992 hingga 30 November 1997. Berpengalaman selama lima tahun bertugas di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pahang, banyak membantu beliau menerajui perpustakaan dalam memberi perkhidmatan terutamanya kepada komuniti dan kumpulan

fokus khas iaitu guru-guru pusat sumber sekolah seluruh negeri Pahang.

Beliau seorang yang amat mencintai ilmu, kemudiannya mengambil keputusan melepaskan jawatan untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Teknologi Maklumat di Universiti Kebangsaan Malaysia dari tahun 1998 hingga 2000.

Semasa ditemu bual oleh pengarang tentang cara beliau mula berkhidmat di UPSI, beliau menyatakan bahawa dirinya memilih untuk berbakti di bumi

Muallim berbanding dengan dua tawaran institusi lain pada tahun 2001. Beliau berasa bangga kerana dapat menyumbang bakti kepada universiti yang bertuah ini. Memulakan kerjaya sebagai Pustakawan Gred S3 pada tanggal 12 Februari 2001 di Perpustakaan UPSI, sehingga kini beliau berkhidmat di universiti pendidikan bertuah ini selama 21 tahun.

Beliau mendapat bimbingan yang bermakna daripada Ketua Pustakawan pertama iaitu Cik Zahariah binti Mohamed Shaharoon, seterusnya mendapat kenaikan pangkat sebagai Pustakawan Kanan S44 pada 1 April 2004, Timbalan Ketua Pustakawan S48 pada 1 Oktober 2016 dan Timbalan Ketua Pustakawan Kanan S52 pada 1 Oktober 2019. Kerjaya beliau terus cemerlang apabila dilantik oleh universiti memegang jawatan sebagai Ketua Pustakawan UPSI keempat mulai 1 Ogos 2001 hingga sekarang.

PENGLIBATAN DI LUAR UPSI

Noriha seorang yang aktif menanggung jawatankuasa luar seperti Ahli Jawatankuasa Pembangun Modul 'Open Science and Knowledge Management' Program Kecemerlangan Kepimpinan Ketua Pustakawan dan

Timbalan Ketua Pustakawan, Institusi Pengajian Tinggi (EXCELIB) anjuran AKEPT pada 2021 hingga 2022. Selain itu, beliau adalah Ahli Jawatankuasa Literasi Maklumat Negara bagi tahun 2021 dan 2022, Ahli Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Akademik PPM sesi 2020/2022 dan dilantik sebagai Pengerusi Pertandingan SDG Perpustakaan Akademik Peringkat Kebangsaan 2021 dan 2022. Beliau juga pernah menjadi juri pertandingan menulis esei sempena PKP, anjuran Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 2020.

Menurut beliau lagi, meskipun berbeza jenis perpustakaan, namun matlamatnya tetap sama. Pustakawan merupakan agen perubahan kepada masyarakat dalam memberi ilmu bukan sahaja kepada masyarakat, malah mampu merubah bandar yang 'suram' menjadi 'terang' dengan pemilikan ilmu pengetahuan dan kemahiran.

Apabila ditanya berkenaan gagasan yang hendak dibawa sebagai Ketua Pustakawan, Noriha menegaskan beliau mempunyai tiga

gagasan besar yang ingin dibawa iaitu keterlihatan (visibility), kolaborasi (lokal dan global) dan pengiktirafan (dalam dan luar negara). Beliau menerangkan visibiliti kita berjaya apabila telah memenuhi 3R iaitu *Referred, Relevant and Respected*. Di peringkat permulaan, perpustakaan perlu lebih menumpukan kepada visibiliti agar menjadi rujukan oleh universiti lain. Dalam masa yang sama memastikan perpustakaan kekal relevan serta dihormati di mata dunia. Sebenarnya bukanlah susah sangat sekiranya kita mempunyai perancangan dan

strategi yang betul serta keinginan yang tinggi untuk melaksanakannya. Menurut beliau lagi, ia boleh dilaksanakan dengan melihat masalah sebagai peluang dan kata-kata 'possible is nothing' adalah jalan menuju kejayaan.

PERUBAHAN PERSEKITARAN PERPUSTAKAAN

Meletakkan salah satu risiko operasi perpustakaan iaitu kurangnya kunjungan fizikal ke perpustakaan, beliau berpendapat perpustakaan kini perlu bersedia untuk menukar persekitaran dan ruang untuk menarik dan menggalakkan kunjungan pengguna. Perpustakaan bukan lagi tempat senyap yang penuh dengan papan tanda 'jangan' atau 'dilarang'. Perpustakaan kini perlu lebih terbuka menyajikan konsep yang lebih santai dan menyeronokkan, sekali gus mampu meningkatkan lagi kepuasan pengguna dalam memanfaatkan perpustakaan sebagai gedung ilmu yang sentiasa ada dalam destinasi

pengguna untuk dikunjungi. Perkara ini memerlukan persediaan kakitangan perpustakaan sendiri untuk mengubah lanskap daripada perpustakaan tradisional kepada perpustakaan terbuka yang menarik. Oleh itu sebagai ketua pustakawan, beliau menyatakan kita harus bijak untuk merancang, mentransformasikan perkhidmatan dan suasana perpustakaan agar dapat mewujudkan aroma segar lagi bertenaga dalam perpustakaan.

Beliau berpendapat yang paling penting ialah kita perlu bijak meramal apa yang akan berlaku dan mengetahui kehendak pengguna mengikut generasi. Pemerhatian tentang siapa pengguna perpustakaan, siapa mereka, bagaimana tabiat mereka perlu dianalisis supaya hasil yang tepat diperolehi. Budaya kerja seperti *Volatility, Uncertainty, Complexity and Ambiguity* (VUCA) amat sesuai dipraktikkan, di samping turut mengetahui dan menguasai teknologi terkini. Namun di sebalik hasrat yang tinggi untuk menjadikan perpustakaan sebagai sebuah gedung ilmu bertaraf global, kebimbangan juga tidak dapat lari bermain di minda beliau. Ketersediaan kakitangan untuk menjadi 'future ready librarian' juga perlu diambil berat.

CABARAN

Menjawab pertanyaan apakah cabaran perpustakaan masa kini, beliau berkata cabaran terbahagi kepada dua iaitu cabaran dalaman dan cabaran luaran. Namun cabaran paling dekat dengan kita adalah apabila kakitangan itu sudah merasa selesa membuat kerja rutin dan tidak mahu berubah. Mereka tidak berupaya mengadaptasi persekitaran semasa dengan perkembangan teknologi yang begitu pantas serta kakitangan perpustakaan tidak memahami kehendak dan keperluan pengguna mereka sendiri.

Manakala cabaran dari luar ialah perbandingan keupayaan pustakawan sebagai penggerak kepada sesebuah perpustakaan dengan enjin-enjin carian yang begitu banyak. Perlu diberikan perhatian juga ialah persepsi negatif masyarakat terhadap perpustakaan, adakah perpustakaan itu masih relevan atau tidak. Persepsi ini merupakan cabaran yang perlu ditangani oleh pustakawan dengan serius dengan menunjukkan bukti.

Beliau menegaskan cabaran-cabaran ini perlu diatasi

dengan cara mengenal pasti kekuatan dan kelemahan kakitangannya sendiri, mengenal pasti masalah dalam jabatan untuk menanganinya melalui kaedah-kaedah yang dipelajari.

Beliau juga menekankan pentingnya inovasi dalam perpustakaan. Inovasi perpustakaan bertujuan untuk mempermudah kerja-kerja pengoperasian dan pengurusan seharian di samping mewujudkan kemudahan yang relevan dengan perkhidmatan kepada pengguna. Kemudahan berteraskan inovasi yang menyelesaikan masalah operasi seharian adalah titik permulaan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan yang berkualiti. Kakitangan dan juga pengguna masing-masing mendapat manfaat berpanjangan sekaligus berupaya menjadikan perpustakaan disegani di mata umum.

HARAPAN

Mengulas mengenai harapannya terhadap

perpustakaan yang diterajuiinya pada masa hadapan, beliau menegaskan perpustakaan pada masa depan bukan lagi hanya tempat untuk meminjam dan mengembalikan buku. Perpustakaan menjadi tempat yang didatangi masyarakat untuk melakukan interaksi sosial. Interaksi sosial yang dimaksud ialah seperti diskusi, bengkel, seminar, pertemuan komuniti dan pengembangan kreatif, inovasi dan lain-lain. Perpustakaan pada masa depan lebih mengutamakan ruangan yang nyaman dan memfasilitasi pelbagai kegiatan masyarakat. Konsep yang dikembangkan ialah mendekatkan perpustakaan

dengan masyarakat dengan cara memberikan fasiliti

tempat dan berbagai sumber daya untuk pelbagai kegiatan masyarakat. Membuka pintu terhadap semua kegiatan masyarakat yang bersifat positif dan membangun. Secara ringkas, apapun kegiatannya tidak menjadi soal, asalkan ia dilaksanakan di perpustakaan dan mendapat sambutan daripada pemegang taruh.

Beliau mengharapkan agar Perpustakaan Tuanku Bainun terus cemerlang dan gemilang serta berjaya mengharungi cabaran dari semasa ke semasa seiring dengan nama besar UPSI No. 1 Pendidikan.





Roti Babu: Penerus Warisan Roti Tradisional



Oleh:
Mohd. Razalli bin Ahmad
Termizi
razalli@upsiedu.my
Foto: Muhammad Zuhad bin
Abdul Aziz

Roti merupakan sajian harian masyarakat Malaysia. Buktinya, semasa era PKP yang lalu menyaksikan senario membeli roti putih secara panik dan berlebihan menyebabkan stok produk berkenaan habis di pasaran

(Harian Metro 12 Januari 2021).

Masyarakat di daerah Muallim amnya dan sekitar Slim River dan Tanjong Malim khususnya sangat bertuah kerana dapat merasakan produk roti yang berkualiti yang dihasilkan oleh Kilang Roti Mokhtar. Ia terletak di Kampung Masjid Lama, Slim River, Perak. Pemiliknya,

Encik Mokhtar Ahmad bin Mohd. Taqi seorang pembuat roti dan merupakan bapa kepada tujuh orang anak, berumur antara 15-33 tahun. Beliau mewarisi kilang roti tersebut daripada bapanya, Mohd. Taqi Habib sejak tahun 1985. Kilang tersebut asalnya dibeli oleh bapa saudaranya pada tahun 1949, manakala bapanya mengambil alih







pengurusannya pada tahun 1956.

Istimewanya roti keluaran Kilang Roti Mokhtar atau digelar oleh penduduk tempatan sebagai roti babu ini ialah aroma roti yang dihasilkan daripada pembakaran roti menggunakan ketuhar kayu api. Proses mengadun roti bermula daripada pukul 6.45 pagi dengan proses menguli tepung, membakar kayu api di dalam ketuhar bermula pukul 7.15 pagi. Manakala proses menyediakan doh roti bermula pukul 8.15 pagi. Secara konsistennya, sebanyak 500 buku roti berjaya dihasilkan merangkumi produk roti kelapa, roti kaya, roti kacang, roti krim, roti bijan dan roti kosong. Jualan roti pula bermula pukul 11.30 pagi.

Beliau yang memperolehi pendapatan bulanan bersih sekitar RM4,000. Niat asal berniaga ialah menyara kehidupan keluarga. Teguh berpegang prinsip yang ditandakan oleh ayah ialah sabar dan kuat semangat. Beliau pernah mempunyai pengalaman berniaga dengan motosikal di mana semua rotinya tidak laku. Meneruskan tradisi keluarga di samping secara tidak langsung memenuhi fardu kifayah kerana pada permulaannya dulu perniagaan roti dikuasai oleh bangsa lain. Temubual bersama

pelanggan, Shahrin Shaari, 52 dari Sungai Petani yang sering kali cewea untuk mendapatkan roti Mokhtar kerana kehabisan menyatakan aroma roti amatlah berlainan kerana ia dibakar dengan arang. Pada pandangannya roti seumpama ini memang menjadi kegemaran kepada masyarakat yang berumur 50 tahun ke atas. Roti kegemaran beliau adalah roti bijan. Bagi Kamarul Ariffin dari Changloon juga berpandangan roti yang dihasilkan unik dan seperti roti dulu-dulu. Beliau yang cenderung kepada roti kacang dan kelapa, suka memakan roti ini jika masih panas.

Perancangan masa depan, harapan abang Mokhtar berharap ada anak-anak yang dapat meneruskan perniagaannya. Sebagaimana gembira ayahnya dahulu bila beliau mengambil keputusan untuk meneruskan perniagaan roti ini. Beliau juga akan gembira jikalau ada antara anak-anaknya melakukan perkara yang sama. Bagi menggalakkan mereka terlibat dengan perniagaan ini, jika mereka membantu di kilang setiap pendapatan diperolehi dikongsi bersama. Prinsipnya juga setiap bantuan daripada anak-anak akan dibayar upah olehnya. Contohnya, jika mereka mencari

tempurung dan kayu api sebagai bahan bakar di dalam ketuhar, upah yang setimpal akan dibayar. Semoga Kilang Roti Mokhtar akan terus istiqamah dalam menyediakan roti yang berkualiti dan halal toyyiban.



Selami Kisah Sejarah Rumah Tamu UPSI



Oleh

VM Dr. Raja Ahmad Shalaby
bin Raja Hassan
shalaby@upsiedu.my

Bangunan rumah pengetua SITC sekarang dikenali sebagai Rumah Tamu Universiti Pendidikan Sultan Idris. Rumah ini dibina dua tingkat, iaitu bahagian bawah diperbuat daripada batu-bata sementara bahagian atasnya diperbuat daripada kayu keras dan berkualiti. Di bahagian bawah terdapat ruang dapur, bilik tidur utama berserta tab mandi dan tandas, dua ruang tamu dan satu stor penyimpanan barang. Manakala

di tingkat atas menempatkan dua bilik tidur yang besar berserta tab mandi dan tandas, ruang tamu dan beranda.

Bangunan rumah ini terletak di bahagian selatan kawasan kompleks SITC, berhampiran dengan Sungai Bernam dan landasan kereta api. Kegunaan Sungai Bernam sebagai 'penenang fikiran' dan juga mempunyai nilai estetika alam semula jadi. Stesen Kereta Api Tanjong Malim terletak tidak jauh, kira-kira tujuh minit berjalan kaki dari rumah ini. Bangunan rumah ini juga termasuk dalam kompleks SITC yang direka bentuk oleh seorang arkitek terkenal dari Negeri-negeri Melayu Bersekutu bernama Leofric Kesteven. Kesteven kemudiannya dilantik menjadi Pengerusi, The Malayan Institute of Architects pada tahun 1931 hingga 1933. Beliau juga merupakan arkitek yang melukis pelan Masjid Sultan Sulaiman di Klang, Selangor pada 1933.

Bangunan-bangunan SITC dibina dengan berkonsepkan

seni bina Barat gaya seni bina Gothic. Bangunan rumah ini dibina pada bulan Ogos 1919 dan siap pada November 1922. Reka bentuknya memperlihatkan satu struktur rumah yang besar, mewah, megah serta mempunyai ciri-ciri rumah pembesar Inggeris. Nama-nama pengetua SITC yang menduduki rumah ini ialah:

1. O.T. Dussek (Oman Theodore Dussek), pengetua pertama. Beliau menjadi pengetua dan tinggal di rumah ini selama 14 tahun iaitu dari tahun 1922 hingga 1936.
2. M.R. Holgate, pengetua kedua. Beliau pernah dilantik menjadi pemangku pengetua pertama SITC pada tanggal 20.9.1926 hingga 1927, dan sekali lagi pemangku pada tahun 1930 merangkap Pengarah Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu.
3. C. Burgess, pengetua ketiga, 1937.
4. D.R. Swaine, pengetua keempat, 1937 hingga 1939.
5. R.P.S. Walker, pengetua kelima, 1939 hingga 1941. Beliau melarikan diri ke England apabila perang dunia kedua meletus pada Disember 1941.



Semasa Perang Dunia Kedua, seluruh kawasan SITC termasuk rumah ini dijadikan sebagai markas tentera Jepun apabila mereka berjaya mengalahkan pihak British. Markas bermaksud pusat pemerintahan tentera akan terdapat hospital, lokap, armskote, tempat bicara pesalah, tempat tahanan dan tempat hukuman dijalankan terhadap pihak musuh. Pendudukan Jepun di SITC berlaku setelah mereka menawan Slim River dan Tanjong Malim dalam satu pertempuran terkenal yang dikenali sebagai Pertempuran Slim River yang berlaku pada 6 hingga

8 Januari 1942. Pertempuran ini bermula dengan kepantasan tentera Jepun mengatasi pertahanan tentera British di Trolak yang terletak di utara Slim River. Tentera British tidak menjangkakan Trolak akan tewas dengan begitu pantas dan tiada amaran diterima bahawa tentera Jepun akan tiba. Pertempuran ini menonjolkan kecemerlangan penggunaan kereta kebal tentera Jepun mengatasi tentera British yang terdiri daripada Division Infantri India Ke-11. Prinsip peperangan yang digunakan tentera Jepun iaitu prinsip 'kejutan' membawa kepada kemenangan mereka. Tentera Jepun kemudiannya mara ke Selatan dan menduduki kawasan SITC


selama 3 tahun 7 bulan, sehinggalah mereka menyerah kalah apabila Hiroshima and Nagasaki dibom pada 6 dan 9 Ogos 1945. SITC dibuka semula tujuh bulan selepas itu iaitu pada 2 April 1946. Selepas Jepun menyerah kalah, keadaan negara menjadi tegang kerana penentangan oleh golongan berhaluan kiri.

Darurat diisytiharkan oleh British pada 12 Julai 1948 kerana ancaman bersenjata daripada pihak komunis. Seluruh bangunan SITC diambil alih oleh The First Batalion of The Straforth Highlanders dan dijadikan pangkalan tentera British mulai 7 Ogos 1948 hingga 31 Ogos 1948, namun ia diserahkan kembali kepada pihak pentadbir SITC pada tanggal 1 September 1948. Pada zaman MPSI ia pernah dijadikan tempat penyimpanan barang-barang. Selepas itu, rumah tamu ini tidak lagi dihuni kerana mengalami banyak kerosakan dan keadaannya amat teruk serta terbiar. Botol-botol arak dikatakan bersepah, kotor dan kawasan sekitarnya pula amat menyeronokkan. Di dalam rumah dan sekitarnya juga dikatakan terlalu 'keras' dan banyak kisah seram atau mistik diceritakan oleh orang yang pernah memasuki atau melalui kawasan tersebut.

Rumah ini kemudiannya telah diubah suai dan dicat baru buat pertama kalinya pada tahun 2002 untuk dijadikan sebagai kediaman sementara Naib Canselor UPSI yang ketiga, Tan Sri Dr. Muhammad Rais bin Abdul Karim. Naib Canselor UPSI yang keempat iaitu Profesor Emeritus Dato' Dr. Aminah binti Ayob pernah mendiami rumah ini dari tahun 2008 hingga 2011. Pada tahun 2011, rumah ini pernah diduduki oleh TNC HEPA UPSI iaitu Profesor Madya Datuk Dr. Junaidi bin Abu Bakar.

Sekarang ia dijadikan sebagai rumah tetamu universiti dan juga sebagai tempat untuk menganjurkan kegiatan sosial kakitangan universiti seperti majlis tahlil, mesyuarat, bengkel dan perjumpaan alumni Anak Kandung Suluh Budiman.

Memang kesukaan orang Inggeris untuk tinggal agak jauh sedikit dari pejabat kerana mencari ketenangan dan pemandangan yang cantik. Biasanya penguasa atau pegawai kanan Inggeris akan membina rumah di atas bukit ataupun di tepi sungai. Rumah ini terletak di tepi Sungai Bernam dan menghadap ke sungai. Dari segi strategiknya rumah ini mudah untuk diakses mahupun untuk melarikan diri kerana dekat dengan jalan raya, sungai dan kereta api. Itulah yang menjadi faktor utama rumah ini sering bertukar tangan dan menjadi rebutan semasa peperangan berlaku. Mereka yang berminat kepada alam mistik bolehlah mencuba untuk tinggal di sini seorang diri pada waktu malam. Tentu pengalamannya amat mengagumkan!!







“Datuk Dr. Ashari bin Che Mat Naib Canselor Pertama UPSI” ...



Oleh

YM Dr. Raja Ahmad Shalaby
Raja Hassan
shalaby@upsiedu.my

Ashari bin Che Mat dilahirkan pada 2 Mei 1944, di Kampung Lubuk China, Melaka. Beliau berkahwin dengan Zabidah binti Ahmad pada 7 April 1969. Pasangan ini dikurniakan lima orang anak iaitu Aslinda (lahir 13.12.1970), Shazan Ismail (lahir 3.8.1973), Shahrizan Ismail (lahir 19.3.1979), Shahriz Ismail (lahir 25.4.1981) dan Asrizah (lahir 16.8.1984).

Ashari merupakan seorang guru lulusan Sijil Perguruan dari Maktab Perguruan Teknik, Kuala Lumpur pada 1964. Beliau kemudian melanjutkan pengajian di peringkat ijazah pertama di Universiti Malaya serta tamat dengan Ijazah Sarjana Muda (Pengajian Melayu) dengan Kepujian pada 1970. Beliau seterusnya melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Pendidikan di University of Pittsburgh, Amerika Syarikat pada 1977.

Dr. Ashari mula berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan sebagai guru di Sekolah Menengah Sultan Ismail, Johor Bahru pada 1964 hingga 1967. Setelah menamatkan pengajiannya

di Universiti Malaya, beliau kembali berkhidmat sebagai guru di Sekolah Menengah Dato' Syed Omar di Alor Setar, Kedah di antara 1970 hingga 1972. Beliau seterusnya dinaikkan pangkat menjadi pengetua di Sekolah Menengah Mahsuri, Langkawi, Kedah pada 1972 dan berkhidmat di situ sehingga 1974.

Mulai tahun 1974, Dr. Ashari berkhidmat pula di Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai Penolong Pengarah Perancangan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan. Pada tahun yang sama, beliau dilantik sebagai Pegawai Khas kepada KSU Kementerian Pendidikan Malaysia. Setelah berkhidmat selama empat tahun sebagai Pegawai Khas, beliau diamanahkan pula untuk memegang jawatan sebagai Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia pada 1978.

Dr. Ashari kemudian menyambung pengajiannya ke peringkat Doktor Falsafah di antara tahun 1984 hingga 1987 dalam bidang Pendidikan di universiti lamanya University

of Pittsburgh, Amerika Syarikat. Pada tahun 1987 juga, beliau menerima Cert. Management Science dari universiti yang sama. Selepas itu pada 8 Januari 1988, Dr. Ashari dilantik sebagai Pengetua di Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI), Tanjong Malim, Perak. Beliau kemudian meneruskan baktinya kepada negara dengan pelantikan sebagai Center Director of SEAMEO Regional Centre for Education in Science and Mathematics (SEAMEO RECSAM) di Pulau Pinang pada Jun 1992 hingga Julai 1994. Beliau meneruskan kecemerlangan dalam kerjayanya apabila dilantik sebagai Director Southeast Asian Minister of Education Organization Secretariat (SEAMEO) di Bangkok, Thailand pada 1994 hingga 1997.

Pada 1 Mei 1997, Dr. Ashari mencatat sejarah dalam pendidikan negara apabila dilantik sebagai Naib Canselor pertama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) setelah IPSI dinaikkan taraf menjadi universiti. Beliau adalah seorang pemimpin yang berkarisma, serta mempunyai pengalaman luas dalam bidang pendidikan di

peringkat persekolahan dan institusi pendidikan tinggi. Pelantikan beliau menamatkan spekulasi kuat yang tercetus sejurus selepas Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak mengumumkan kerajaan telah meluluskan pelantikan Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor UPSI. Nama besar dalam pendidikan negara Tan Sri Dr. Wan Mohd Zahid Wan Mohd Noordin pernah dispekulasi akan dilantik sebagai Naib Canselor UPSI yang pertama, tetapi tidak menjadi kenyataan.

Pada 28 Mei 1997, Menteri Pendidikan mengumumkan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah UPSI yang dipengerusikan oleh Profesor Tan Sri Dr. Awang Had Salleh. Tokoh akademik ini pernah memegang jawatan Pengarah Institut Teknologi Mara, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia dan Naib Canselor pertama Universiti Utara Malaysia. Ahli-ahli Lembaga Pengarah UPSI pula terdiri daripada Datuk Abdul Habib Mansur, Datuk Haji Mohd Hilmi Ismail, Datuk Matnor Daim, Profesor Datuk Dr. Annuar Ali dan Tuan Haji Mohamed Noor bin Haji Mat Ali. Mereka menjadi tenaga penggerak utama universiti pendidikan ini dan merencanakan program untuk kemajuan bidang pendidikan negara.

Pengambilan pertama pelajar UPSI bagi tahun

akademik 1997/98 ialah seramai 335 orang dan mendaftar pada 2 Jun 1997. Daripada jumlah itu, 80 pelajar mengikuti pengkhususan dalam Pengajian Matematik, 40 Pengajian Sains, 40 Pengajian Bahasa Melayu, 40 Pengajian Teknologi Maklumat, 50 Pengajian TESL (Teaching English as a Second Language), 35 Pengajian Muzik, 25 Pengajian Bimbingan dan Kaunseling dan 25 Pendidikan Seni.

Dengan kemasukan calon guru pelbagai kaum itu, sekali gus UPSI menamatkan taraf eksklusifnya sejak 1922 sebagai pusat latihan khusus untuk guru-guru Melayu. Ini berlaku kerana universiti perlu mengikut peraturan yang telah termaktub di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan 1996). Pelajar yang mendaftar merupakan pemegang Diploma Perguruan Khas (DPK) akan mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda Pendidikan selama dua tahun. Sentuhan pertama tugas Naib Canselor pertama UPSI, Dr Ashari Che Mat terhadap pelajar ialah menyambut mereka pada majlis pendaftaran yang berlangsung di Ruang Legar Blok Kursus Diploma Perguruan Khas (KDPK), bermula pukul 10 pagi pada 2 Jun 1997. Semua pelajar baharu yang mendaftar menginap di asrama di dalam kampus UPSI. Para pelajar itu menjalani

minggu orientasi selama seminggu untuk sesi suai kenal sebelum memulakan pengajian pada 9 Jun 1997.

Di bawah pentadbiran Dr. Ashari, IPSI tetap beroperasi seperti biasa tetapi pentadbirannya berasingan dengan UPSI sehinggalah pada 1999, apabila semua penuntut IPSI menamatkan pengajian pada tahun tersebut. Selepas itu barulah pentadbiran IPSI disatukan dengan UPSI sepenuhnya. Pelajar perintis yang mendaftar ketika itu diserapkan terus ke tahun kedua kerana mereka mempunyai kelulusan DPK. Walau bagaimanapun, untuk pengambilan pada tahun berikutnya, kemasukan ke UPSI terbuka kepada lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, matrikulasi dan diploma.

UPSI di bawah Dr. Ashari juga pernah ditawarkan tanah untuk membina kampus baharu di sebuah kawasan seluas 400 hektar di Kuala Kangsar oleh Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib menjelang tahun 1999. Dalam tawaran tersebut, cadangannya apabila UPSI dipindahkan ke Kuala Kangsar, bangunan-bangunan bersejarah di kampus Tanjong Malim akan dijadikan muzium pendidikan. Namun hasrat tersebut tidak tercapai kerana beberapa masalah teknikal yang tidak selesai kerana membabitkan 500 pekebun kecil di daerah itu.

UPSI dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia mengadakan Siri Pengkisan Sejarah maktab perguruan tertua itu pada 28 Ogos 1997, bertempat di Dewan Besar SITC. Program tersebut bertujuan mengenang nostalgia yang dilalui SITC

Konvensyen Pendidikan ke-12 berlangsung pada 29 sehingga 30 November 1997 di UPSI sempena sambutan ulang tahun ke-75 Sultan Idris Training College for Malay Teachers (SITC)/Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI)/IPSI/UPSI.

tersebut bermula pada awal tahun 1999 dan siap sepenuhnya pada Jun 2001.

Dr. Ashari seterusnya berusaha lagi untuk mendapatkan peruntukan untuk membina sebuah perpustakaan moden yang berharga RM26 juta melalui rundingan dengan Bank Dunia. Akhirnya bangunan baharu perpustakaan UPSI yang tersergam indah berjaya dibina pada 2001. Kemudian Dr. Ashari berusaha pula mendapatkan penajaan daripada Hicom Holding Berhad (HICOM) untuk membina kompleks asrama yang boleh memuatkan 3,000 penghuni di Proton City, kira-kira enam kilometer dari UPSI yang terletak di Tanjung Malim, Perak. Akhirnya bangunan asrama baharu yang diberi nama Kolej Za'ba dan Kolej Aminuddin Baki berjaya dibangunkan.



sejak mula ditubuhkan pada 1922. Siri pertama pengkisan sejarah ini menampilkan tokoh era SITC untuk mengambil bahagian dalam wacana ketokohan pensejarahan. Antara mereka yang dijemput ialah Shaharum Husain, Nordin Mahmood, Abdullah Ahmad, Datuk Abu Bakar Shaari, Amir Hamzah Shamsudin (Malungun) dan Hasan Ali. Dalam program tersebut turut memberi penghargaan kepada tokoh akademik yang juga Anak Kandung berjasa, iaitu Tan Sri Dr. Awang Had Salleh yang menyampaikan ucapan utama.

Konvensyen tersebut dihadiri kira-kira 300 murid tua dan individu lain yang dianjurkan oleh Persatuan Suluh Budiman (PSB). Presiden PSB ketika itu ialah Profesor Tan Sri Dr Awang Had Salleh.

Sejajar dengan hasrat menjadikan UPSI sebagai pusat kecemerlangan dalam pengajian pendidikan, Dr. Ashari berjaya dalam usahanya mendapatkan peruntukan daripada Menteri Pendidikan, Datuk Sri Najib Tun Razak, untuk membina sebuah bangunan canselori bernilai RM11 juta. Pembinaan bangunan

Buat pertama kalinya, UPSI memperkenalkan program pascasiswazah untuk mempertingkatkan kerjaya pendidikan tempatan ke peringkat terbaik di rantau ini. Penawaran program berkenaan bermula dengan program Sarjana Pendidikan dalam tiga bidang utama oleh Fakulti Bahasa dan Kesusasteraan mulai Mei 2000. Tiga bidang itu ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL) dan Kesusasteraan Melayu.

Dalam kemeriahan kontingen negara meraiikan 57 pingat emas Sukan Sea '99 di Brunei Darussalam, seorang pelajar UPSI turut mengharumkan nama negara dalam acara kayak antarabangsa di Australia. Dalam kejohanan berprestij itu, Md Amin Md Taff muncul johan kategori novice, sementara rakannya, Bendri Dasrli mendapat tempat keempat kategori kevlar setelah berjuang sehingga ke garisan penamat. Pertandingan International Avon Descent '99 di Perth berlangsung pada 2 hingga 8 Ogos 1999 disertai oleh para peserta profesional dari seluruh dunia.

Majlis konvokesyen pertama UPSI diadakan pada 4 Disember 1999 di Dewan SITC. Seramai 337 graduan sulung UPSI menerima Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Dengan Kepujian. Penyampaian ijazah disempurnakan oleh DYMM Tuanku Permaisuri Perak, Tuanku Bainun Mohd Ali selaku Canselor UPSI. Pada majlis konvokesyen ini, bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Murad Mohd Noor turut diberikan penghormatan sebagai penerima pertama Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan. Warga UPSI berkesempatan bertemu dengan wira negara, Datuk Azhar Mansor yang berjaya belayar mengelilingi dunia secara solo. Azhar ketika itu dalam rangka lawatannya ke beberapa institusi pengajian

tinggi. Kehadiran beliau pada 16 Disember 1999 di UPSI disifatkan oleh naib canselor sebagai memberi suntikan kepada mahasiswa dan seluruh warga UPSI untuk merealisasikan slogan "UPSI Boleh" bagi menghadapi cabaran alaf baru sesuai slogan "Malaysia Boleh". Lawatan tersebut diusahakan bagi tujuan memotivasikan mahasiswa serta sebagai penghargaan pihak universiti kepada Azhar kerana mengharumkan nama negara.

Dr. Ashari juga yang memulakan langkah untuk menubuhkan Kursi Za'ba bagi meningkatkan perkembangan dan pengkayaan bahasa Melayu di negara kita. Beliau berunding dengan beberapa pihak, sama ada dalam dan luar negara, termasuk British Council untuk mendapatkan bantuan bagi merealisasikan hasrat berkenaan yang mampu menggalakkan perkembangan bahasa Melayu. Bagi Dr. Ashari, Kursi Za'ba penting sebagai kelangsungan SITC/ MPSI/IPSI yang sebelum ini terkenal sebagai pusat melahirkan ramai cendekiawan bahasa Melayu. Ia juga sebagai langkah untuk memperhebatkan lagi gerakan aktiviti kebahasaan, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu yang dijayakan dengan kerjasama beberapa pihak luar, termasuk Malaysian Encyclopedia Research Center Berhad, Titian

Communication Berhad serta Dewan Bahasa dan Pustaka. Pada 1 Disember 2001, Institut Peradaban Melayu berjaya ditubuhkan dan universiti melantik Profesor Emeritus Dato' Dr Asmah Haji Omar sebagai pengarahnya yang pertama merangkap Penyanggung Kursi Za'ba yang ditubuhkan pada 29 April 2001.

Naib Canselor UPSI pertama ini juga bertanggungjawab merangka pelan induk kampus baharu di kawasan seluas kira-kira 200 hektar di Proton City seperti yang ada sekarang. Kampus baharu ini menempatkan asrama pelajar, fakulti-fakulti, kemudahan riadah dan dewan kuliah yang mampu menampung kira-kira 25,000 orang pelajar.

Dua tokoh pendidikan, Tan Sri Profesor Dr. Awang Had Salleh dan Datuk Dr. Yahaya Ibrahim dilantik sebagai Pro-Canselor UPSI sempena Istiadat Konvokesyen ke-2 pada 9 September 2000. Awang Had Salleh sebelum itu merupakan Pengerusi LPU. Tan Sri (Dr.) Murad Mohamad Nor kemudiannya dilantik sebagai pengganti Awang Had Salleh sebagai Pengerusi LPU.

Ketika memegang jawatan sebagai naib canselor, Dr Ashari beserta isteri dan anak bongsu mereka, Asriza, tinggal di rumah pengetua IPSI dari tahun 1997 hingga Disember 1998. Asriza kemudiannya bersekolah di SMK Methodist manakala

ibunya yang merupakan seorang guru yang mengajar subjek Kemahiran Hidup di SMK Khir Johari. Anak-anak yang lain tidak bersama mereka di Tanjong Malim. Aslinda bekerja di Pulau Pinang, Shazan Ismail sedang menyiapkan ACCA di London, Shahrizan Ismail menyambung pengajian dalam bidang Mechanical Engineering di Carnegie Mellon University, Pittsburgh, Amerika Syarikat, manakala Shahriz Ismail belajar di Victoria Institution Kuala Lumpur.

Rumah pengetua IPSI sekarang ini dijadikan sebagai pejabat Muzium Pendidikan Nasional. Rumah ini mempunyai reka bentuk rumah Perak dua tingkat yang diperbuat daripada kayu jenis keras seperti cengal dan merbau. Ia dibina pada tahun 1922 bersama-

sama dengan bangunan utama UPSI dikenali dengan nama Bangunan Suluh Budiman. Rumah ini pada asalnya menjadi kediaman Penolong Pengetua Inggeris pada zaman SITC, kemudiannya menjadi kediaman pengetua MPSI dan IPSI.

Setelah menabur bakti dengan penuh dedikasi selama lima tahun genap, Dr. Ashari menamatkan perkhidmatannya di universiti pendidikan ternama negara, UPSI pada tanggal 2 Mei 2001. Tokoh ini meninggalkan legasi yang hebat terhadap pembangunan fizikal dan spritual warga UPSI yang sukar dinafikan oleh sesiapa sahaja. Semoga beliau diberi kekuatan, kesihatan dan kesejahteraan untuk terus berbakti kepada negara.

Sepanjang perkhidmatannya yang penuh cemerlang dan gemilang, beliau dianugerahi pingat kebesaran persekutuan dan negeri Perak iaitu Kesatria Mangku Negara (K.M.N) pada tahun 1995, Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P.) dan pingat Panglima Jasa Negara (P.J.N.) pada tahun 2000. Mengenangkan jasa-jasanya yang tidak terhitung terhadap UPSI, beliau kemudiannya dianugerahi dengan Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan dalam Majlis Istiadat Konvokesyen Komemoratif pada 21 Disember 2002.





Pengalaman Pahit berlalu, Aini tetap Cekal Hadapi Ujian



Oleh
Nurul Hafizan binti Abdul
Rahman
nurulhafizan@upsiedu.my

Insan bernama Nurul Aini binti Abdullah, dilahirkan pada 14 Januari 1988 di Hospital Kuala Lumpur merupakan anak sulung daripada lima adik-beradik. Keluarga kecil mereka menetap di Semanggol, Perak. Mereka dibesarkan oleh bapa yang bekerja sebagai pemandu bas dan arwah ibu pula pada ketika itu adalah seorang surirumah.

“Saya berkahwin dengan suami pada usia yang muda iaitu 21 tahun dan telah dikurniakan seramai lima orang cahaya mata di mana yang sulung berusia 11 tahun dan yang bongsu berusia 4 tahun.”

Berpegang teguh dengan mantera “Kalau hidup sekadar hidup, kera di hutan juga hidup, kalau kerja sekadar kerja, kerbau di sawah juga bekerja”.-Buya Hamka yang membawa maksud “Hiduplah dengan memberi makna kepada orang lain dan bekerjalah dengan ikhlas membantu orang lain tanpa mengharapkan balasan serta penghargaan daripada manusia sebaliknya mohonlah balasan baik daripada Allah SWT.”

KEHIDUPAN SEWAKTU KECIL

“Kehidupan saya sekeluarga tidaklah terlalu susah dan Alhamdulillah semuanya cukup walaupun bapa hanya seorang pemandu bas dan ibu seorang suri rumah yang mengambil upah menjahit baju pada waktu itu. Cuma agak kelakar dikenang bila menjelang hari raya, ibu hanya dapat menjahit baju raya saya dan adik beradik perempuan yang lain pada malam raya tersebut ketika orang lain sedang sibuk membuat persiapan raya. Kami hanya akan dapat merasa baju baharu ketika hari raya saja dan kadangkala kadang-kadang sekiranya ibu tak sempat, maka pakailah baju raya yang lama.”

Selepas menduduki peperiksaan Sijil Peringkat Menengah (SPM) pada

tahun 2005 di Sekolah Menengah Kebangsaan Gunung Semanggol, Perak, beliau telah melanjutkan pengajian peringkat diploma di UiTM Seri Iskandar dalam bidang Pengurusan dan Teknologi Pejabat.

“Kelulusan akademik saya adalah setakat diploma sahaja memandangkan saya bukanlah daripada keluarga yang senang dan hanya ayah saja yang menyara kami sekeluarga di samping pendapatan ibu sebagai tukang jahit,” katanya lagi.

REDHA DENGAN KETENTUAN ESA

“Banyak kenangan pahit dan yang paling perit adalah kehilangan insan yang sangat saya sayangi iaitu ibu yang menjadi idola saya sepanjang masa pada tahun 2017. Selain itu, rumah saya juga pernah dipecah masuk pada tahun 2005 dan anggaran kerugian di bawah RM5,000. Baru-baru ini pada tahun 2020, rumah saya telah terbakar dan memusnahkan hampir 60 peratus binaan dan harta benda. Salah satunya yang mempunyai nilai paling bermakna ialah mesin jahit arwah ibu yang saya bawa daripada kampung habis dijilat api. Saya redha dengan ketentuan Ilahi dan tetap yakin bahawa perancangan Allah itu yang terbaik dan Alhamdulillah

ternyata ia benar. Saya sangat bersyukur dan sadar bahawa Allah SWT mengurniakan saya sanak saudara, sahabat handai, para pensyarah dan pengurusan UPSI yang sangat mengambil berat tentang saya sekeluarga dan menghulurkan bantuan yang tidak berbelah bahagi. Saya sangat hargainya dan sentiasa berdoa agar semua warga UPSI dikurniakan kebaikan dunia akhirat."

BERANI MELANGKAH HASIL SETIMPAL

"Saya mengambil keputusan untuk tidak menyambung pengajian di peringkat lebih tinggi apabila mula berminat untuk mencari pendapatan sendiri di semester akhir diploma iaitu ketika menjalani latihan industri di Bukit Merah Laketown Resort (BMLR). Saya ditempatkan di Bahagian Sumber Manusia dan sebaik tamat pengajian, saya ditawarkan di dua jabatan namun terpaksa memilih ke jabatan yang menawarkan gaji yang lebih tinggi dan menjanjikan pengalaman hebat iaitu sebagai Pegawai Tadbir di Jabatan Pulau Orang Utan, Bukit Merah Laketown Resort. Setelah selama hampir setahun menimba pengalaman di Pulau Orang Utan saya mengambil keputusan untuk kembali ke bidang asal saya iaitu Pengurusan dan Teknologi Pejabat atau nama lainnya Setiausaha Pejabat dan mencuba nasib

di UPSI. Alhamdulillah rezeki Allah itu memihak kepada saya dan ditempatkan di Pusat Tanggungjawab yang baharu ditubuhkan ketika itu iaitu Fakulti Teknikal dan Vokasional (FTV)," tambahnya lagi.

PERJALANAN KERJAYA DI UPSI

Beliau mula melapor diri sebagai Setiausaha Pejabat Gred N29 di UPSI pada 1 Julai 2010 dan ditempatkan di Fakulti Teknikal dan Vokasional.

"Dekan pada ketika itu adalah Prof. Madya Dr. Ahmad bin Mohamed Shariff dan saya berkhidmat dengan beliau sehingga Mei 2011, diikuti dengan Prof. Dr. Ramlee Mustapha sehingga November 2012. Hampir empat tahun saya berkhidmat dengan Prof. Dr. Syed Abdul Malik bin Syed Mohamed sebelum digantikan dengan Prof. Madya Dr. Ridwan bin Che Rus pada Januari 2017 sehingga Disember 2020 dan dekan terakhir yang telah saya berkhidmat di FTV iaitu Dr. Mohd Azlan bin Mohamad Hussain."

"Banyak ilmu yang saya pelajari dalam menguruskan keperluan Dekan dan Fakulti sepanjang berada di Fakulti Teknikal dan Vokasional selama hampir 11 tahun 6 bulan termasuk kerja-kerja yang bukan di dalam bidang dan saya seronok untuk

melakukannya!" katanya riang.

Akhirnya, pada 1 Februari 2022, Aini telah melangkah ke Pusat Tanggungjawab baharu iaitu Jabatan Bendahari. Di situ, beliau melihat dari sudut pandang yang lebih luas tentang UPSI dan cabaran menguruskan ketua dalam kalangan pengurusan tertinggi universiti.

"Saya menerima cabaran tersebut dengan melaksanakannya tanggungjawab itu dengan sebaik mungkin. Teguran-teguran yang diberikan oleh Bendahari dan pegawai-pegawainya saya terima dengan positif dan menambah baik komunikasi dan juga hasil kerja sedikit demi sedikit."

"Sehinggalah pada 16 Julai 2022, saya ditukarkan ke Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) setelah menerima kenaikan pangkat ke jawatan Setiausaha Pejabat Gred N32. Saya sadar bahawa saya harus bersedia dari segi fizikal dan mental untuk menggalas tanggungjawab besar menjadi setiausaha kepada Prof. Dr. Suriani binti Abu Bakar, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) yang saya sangat segani dan akan berusaha dengan lebih gigih lagi untuk menjadi setiausaha yang baik kepada beliau."



DI SEBALIK PROFESSION GLAMOR

Minat menjahit telah dipupuk sejak dari kecil apabila melihat ibu menjahit. Aini pernah mengambil cuti tanpa gaji untuk menjaga ibu yang sedang sakit kanser dan sempat untuk belajar sedikit demi sedikit teknik menjahit. Kalau dulu, ibunyalah yang membuat baju-baju kurung untuk kegunaannya ke pejabat dan juga baju anak-anak (hari raya dan baju sekolah). Setelah agak mahir, Aini mula mengambil tempahan namun dalam jumlah yang sedikit.

"Selain daripada selalu melihat dan membantu

ibu memotong kain serta menjahit, minat menjahit saya juga dipupuk apabila bertugas di Fakulti Teknikal dan Vokasional. Di bangunan pejabat Am FTV juga terdapat Bengkel Jahitan dan saya juga kadang-kadang mengambil masa melihat hasil jahitan pelajar dan kagum dengan kreativiti mereka. Saya juga selalu bertanyakan hal-hal jahitan dengan pereka FTV. Dari situlah hasil jahitan saya menjadi semakin bertambah baik."

"Saya boleh menjahit pelbagai rekaan baju berfesyen namun kebanyakannya pelanggan memilih untuk mengambil upah menjahit baju kurung

moden kerana lebih mudah, ringkas dan sesuai dipakai di pejabat. Saya tidak mengambil upah jahitan yang tinggi (lingkungan bawah RM50) kerana hanya ingin menghabiskan masa lapang dan berharap agar pelanggan berpuas hati dan merasa berbaloi dengan upah. Selain itu, saya juga ada menjual seluar batik uniseks hasil jahitan saya sendiri yang dijual dalam lingkungan RM12 (biasa) dan RM15 (berpoket). Manakala seluar kanak-kanak dalam lingkungan RM7 hingga RM10."

"Apabila tiba bulan puasa, saya akan cuba merancang jahitan saya dan menyesuaikan dengan

jadual kerja kerana kerja di pejabat adalah yang lebih hakiki dan saya sentiasa menjaga keberkatan dalam bekerja. Bagi saya gaji yang berkat akan memudahkan segala urusan hidup saya terutama dalam membesarkan anak-anak dan menjaga keharmonian keluarga."

"Saya seorang yang 'perfectionist' yang selalu berusaha untuk membuat yang terbaik. Saya akan selalu risau dengan hasil jahitan saya dan akan bertanya kepada pelanggan samada baju muat dipakai atau tidak. Sekiranya ada komen yang tidak memuaskan saya akan susah hati dan mula berkira-kira untuk menggantikan baju tersebut. Kadang-kadang ada pelanggan yang memberi saiz kain yang tidak padan dan saya terpaksa berfikir kaedah yang sesuai agar potongan cukup. Ianya tidaklah mudah dan terpaksa mengambil mood untuk menjahit baju tersebut. Selain itu, harga barang jahitan juga semakin hari semakin naik dan saya rasa kesian kepada pelanggan sekiranya saya menaikkan harga hasil jahitan saya."

FAKTOR PEMBAKAR SEMANGAT

Anak-anak yang tidak banyak kerenah dan suami yang memahami, sentiasa menjadi pendorong untuknya menjalankan

amanah sebagai seorang setiausaha di pejabat dan pada masa yang sama tukang jahit sambilan di rumah. Merekalah pembakar semangat sehingga Aini berjaya ke tahap sekarang.

"Selain minat menjahit, saya juga mengambil upah catering di dalam jumlah yang sedikit untuk tempahan di surau taman perumahan saya. Niat saya hanyalah ingin membantu sekiranya pihak surau tidak dapat mencari caterer dalam tempoh yang singkat."

Beliau juga selalu beriadah dengan membawa anak-anak ke Tasik Embayu, Proton City untuk diisi dengan aktiviti yang menyihatkan bersama mereka.

JADIKAN HOBI SEBAGAI FAEDAH

"Sekiranya kita mempunyai hobi atau minat di samping kerjaya, jadikanlah ianya satu perkara yang bermanfaat dan memberi pulangan untuk menampung kewangan kita. Namun jangan dilupa yang kerjaya adalah yang hakiki dan perlu didahului melebihi pekerjaan sambilan kerana ianya adalah amanah yang perlu dipikul tambahan kita di dalam sektor awam. Walaupun kerjaya kita tidak menjanjikan kekayaan berbanding perniagaan sampingan namun yang penting dengan niat kita membantu orang lain

yakinlah bahawa Allah SWT pasti akan menggantikannya dengan sesuatu yang lebih baik dan indah".

"Saya pernah bercadang untuk menempatkan hasil jahitan saya di FTV@ Boutique dan menjual dengan harga mampu milik kepada pelajar dan saya berharap saya akan berjaya merealisasikan impian ini suatu hari nanti".

SEMANGAT KEKELUARGAAN KEUTUHAN UPSI

"Saya amat berterima kasih kepada UPSI kerana dengan semangat kekeluargaan yang ada dalam kalangan warganya saya mampu bangkit semula selepas diuji dengan musibah dan saya berjanji untuk membantu UPSI apa sahaja yang saya termampu lakukan. Semoga UPSI terus berjaya melahirkan pelajar yang berilmu, berkemahiran dan berakhlak tinggi disamping warga kerjanya yang hebat dalam memacu UPSI menjadi Universiti No.1 Pendidikan di persada antarabangsa," katanya sebelum menutup perbualan.



Buatlah Apa yang Anda Minat, Jangan Mudah Mengalah..

- Azam Dungun



Oleh

Nurul Hafzan binti Abdul
Rahman
nurulhafzan@upsi.edu.my

“Tinggi-tinggi
kelapa bali
Kental berdiri
Akar di bumi
Walau bermusim di
terik mentari
Tidak sekali lupakan
diri”

Lagu Akar dan Bumi nyanyian Amuk ini pernah menjadi siulan anak muda sekitar awal tahun 2000. Walaupun irama rock metal, namun liriknya masih mengekalkan identiti Melayu yang penuh dengan nasihat dan pengajaran. Siapa sangka, sentuhan magis Prof. Madya Dr. Mohd Azam bin Sulong atau lebih dikenali sebagai Azam Dungun masih dimainkan sehingga kini.

“Nama Azam

Dungun diberikan
oleh Dato’ M. Nasir,

sebab saya berasal dari Dungun, Terengganu. Pada awal penglibatan dalam industri, saya menggunakan nama samaran Azam, Nur Ehsan, Mas, Azamas dan lain-lain. Saya mula meminati bidang muzik sejak di bangku sekolah. Bila lepak, rakan-rakan sebaya bermain gitar dan menyanyi di pantai. Sejak itulah kecintaan terhadap muzik terus berkembang dan menjadi kerjaya sehingga kini iaitu dalam bidang penerbitan album komersial, penyusun muzik, pencipta lagu, penulis lirik dan penyelidik dalam masa yang sama sebagai pensyarah di Fakulti Muzik dan

Seni Persembahan.”

Bapa kepada tujuh orang cahaya mata ini memulakan

pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Pulau Serai, Dungun seterusnya di Sekolah Menengah Tengku Intan Zaharah sehingga tingkatan enam. Seterusnya, beliau menyambung pengajian ke Institut Pendidikan Guru Ilmu Khas, Kuala Lumpur sebelum mendapat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Muzik, Sarjana Pendidikan Muzik dan Ijazah Doktor Falsafah dari UPSI pada tahun 2019.

KARYA TONJOL IDENTITI SENDIRI

Pengurusan masa sangatlah dititikberatkan oleh Dr. Azam dalam usahanya membahagikan masa sebagai pensyarah dalam

masa yang sama terus berkarya. Berpegang kepada prinsip, "Kerja hakiki diutamakan, selebihnya barulah kerja-kerja karya kreatif."

Berkongsi mengenai sumber inspirasinya untuk terus berkarya, beliau sentiasa mencari ilham dan idea dengan keadaan sekeliling. Beliau mempunyai pegangan dan identiti tersendiri dalam setiap karya yang dibawakan.

"Saya banyak mendapat ilham untuk menghasilkan karya berdasarkan persekitaran dan perkongsian pengalaman rakan-rakan. Dari situlah, banyak idea untuk berkarya terhasil."

Karya beliau telah terbukti mempunyai sentuhan tersendiri, kerana itulah ramai artis terkenal pernah bekerjasama untuk karyanya. Antaranya Penyanyi Nombor Satu Malaysia, Datuk Seri Siti Nurhaliza, Datuk Amy Search, Dato' Jamal Abdillah, Datuk Sharifah Aini, Dato' Hattan, Iklim, Slam, Ukay, Ella, Erra Fazira, Arni Nazirah, Ziana Zain, Amuk dan ramai lagi. Beliau juga telah menerbitkan lebih 11 buah album penyanyi tempatan dan mencipta lagu serta menulis lirik melebihi 500 buah termasuk lagu korporat.

TEMPUH LIKU SEBAGAI PENGALAMAN

Tentunya dalam tempoh perjalanan ke tahap sekurang, banyak yang perlu dilalui dan kisahnya penuh warna-warni serta suka-duka.

"Menjadi pengalaman paling manis apabila karya saya diterima dan dihargai. Perasaan bercampur baur gembira dan sayu sebab tak sangka karya-karya diminati sehingga kini seperti Hakikat Sebuah Cinta (Iklim), Bila Diri Disayangi (Ukay), Kembali Merindu dan Tak Mungkin Berpaling (Slam), Nian di hati (DS Siti Nurhaliza), Salam Sejahtera, Mekar di Jiwa, Sayap Terluka (Panji) dan sebagainya."

Sebagai salah satu industri kreatif yang penting, isu bayaran selalunya menjadi perkara hangat yang tidak berkesudahan.

"Saya juga pernah melalui pengalaman yang sama. Rasa terkilan kerana hasil karya saya tidak dibayar setimpal dengan penat lelah dan ianya menjadi pengalaman pahit untuk saya lalui."

IDOLA CERMINAN KEJAYAAN

Ditanya tentang idola, beliau menjadikan dua orang insan sebagai idolanya.

"Idola saya adalah Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee kerana beliau seorang genius. P. Ramlee

merupakan seorang pemikir memandangkan allahyarham dikatakan bukannya seorang yang berkelulusan akademik tinggi namun rajin membuat rujukan ilmiah termasuk bacaan. Dato' M. Nasir pula kerana beliau seorang yang kreatif, malar segar, versatil dan berdisiplin."

4S MENJADI PEMANGKIN

Mantera "Solat, Sedekah, Sabar, Sedar Diri dan Senyum (4S)". Itulah yang menjadikan beliau terus berdiri sehingga kini. Ibu dan bapa juga berperanan dan menjadi faktor pembakar semangat untuk dirinya lebih berjaya sehingga ke tahap sekarang.

Berkongsi projek terbaharu, beliau sedang menyiapkan sebuah album 100 tahun Anak Kandung Suluh Budiman (AKSB) yang terkandung 12 buah lagu baharu.

SUKA AKTIVITI LASAK

Memilih aktiviti lasak sebagai sebagai terapi dan hobi pada masa terluang bersama rakan-rakan menjadikan individu ini sangat positif dalam menghadapi cabaran hidup.

"Aktiviti tersebut bukan sekadar hobi, malah ia gabungan cabaran mengendali jentera melalui selok-belok bukit belukar serta memerlukan stamina, fizikal dan mental yang tinggi sekaligus kepuasan hobi bersama nilai kesihatan.

HARAPAN

"Sekiranya anda ingin masuk ke industri, hargailah bakat, hargai karya sebab bakat dan karya itu adalah harta negara," itulah nasihat yang ditiitipkan sebelum mengakhiri perbualan.





PENCAPAIAN AZAM DUNGUN BIDANG MUZIK & PENTADBIRAN



PM DR. MOHD AZAM BIN HJ. SULONG (AZAM DUNGUN)

PENDIDIKAN

1. PhD Pendidikan Muzik (Pendidikan Muzik/ Pendidikan Muzik), UPSI, 2019.
2. Sarjana Pendidikan Muzik (Pendidikan Muzik/ Pendidikan Muzik), UPSI, 2004.
3. Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Muzik / Pendidikan Muzik), UPSI, 2001.



KEJAYAAN/ PENCAPAIAN

1. Ahli Jawatankuasa, PRISM, 2004 - 2020, (Kebangsaan)
2. Ahli Jawatankuasa Persatuan Penyanyi, Pencipta dan Penulis Lirik Tanah air (KARYAWAN), 1993-2020.
3. Ahli Jawatankuasa Music Authors Copyright Protection, 1991 - 2020, (Antarabangsa).
4. Pensyarah Kanan, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, UPSI, 2013 hingga sekarang.
5. Pingat Emas MTE 2019.
6. Pingat Emas ITEC 2018.
7. Pingat Silver MTE 2018.
8. Pingat Emas PECIPTA 2015.
9. Anugerah Kualiti UPSI Kreatif 2013.
10. Penyelaras Latihan Mengajar dan Latihan Industri Jabatan Muzik, FMSP thun 2013 hingga sekarang.
11. Pensyarah DS45 Jabatan Muzik, Fakulti Seni dan Muzik, UPSI, 2004-2014.
12. Penyelaras Persatuan, Seni dan Kebudayaan di Pusat Kokurikulum, UPSI, 2010 hingga 2012.
13. Anugerah Penyelidikan: Pingat Emas dan Anugerah Utama ESPIN 2009.
14. Penyelaras Pasca Jabatan Muzik Jabatan Muzik, FSM, UPSI, 2005-2010.
15. Penyelaras DPU Jabatan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007.
16. Panel Penemuduga ISMP dan Diploma Pendidikan Lepas an Ijazah Muzik, IPTA, tahun 2007.
17. Penyelaras Latihan Mengajar dan ROS Jabatan Muzik, FSM, UPSI, 2003-2006.
18. Penyelaras Pasca Siswazah Jabatan Muzik, UPSI, 2006.
19. Panel Temu Duga Jawatan Ahli Muzik B17, UPSI, 2006.
20. Guru Bahasa DG3 Jabatan Muzik, Fakulti Seni dan Muzik, UPSI, 2002-2004.
21. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG3, SMK Katholik, Tanjung Malin, Perak, 2001-2002.
22. Pensyarah Muzik DG5 Jabatan Muzik, Maktab Perguruan Kota Bharu, Kelantan. Bahagian Pendidikan Guru 1995- 2001.
23. Finalist Anugerah Juara Lagu (AJL) 2000 "Nian Di Hati" Datuk Siti Nurhaliza. Top 5 lagu Terbaik Anugerah Industri Muzik (AIM) 2000.
24. Komposer Album, Penulis Lagu, Lirik, Jurutera Bunyi and Ahli Muzik.) Film dan Muzik, Industri Muzik Malaysia, 1988 hingga sekarang. 600 buah lagu dan lirik untuk artis tanah air seperti Datuk Siti Nurhaliza, Ilim, Siam, Ulay, Ella, Sharifah Aini dan lain-lain termasuk lagu korporat dan kempen seperti Majlis Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Caring School, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, I Stun, penerbit 11 buah album.
25. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG6, SK Seberang Dungun, Terengganu. 1989-1995.
26. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan DG6, SK Lintang, Terengganu. 1988-1989.
27. Menulis Buku-Teks Pengajaran Tinggi "Pengajaran Muzik III", untuk Open University Malaysia tahun 2010.
28. Menulis buku Teks Sekolah "Asas Pendidikan Muzik II, Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah", terbitan Tabik Emas tahun 2009.
29. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005, 2008, 2013.



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
لوتريستي قندريدن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

KELUARAN 8/2022 BIL. 15

Inspirasi